



Ruj: KKM.500/3/4/6 Jld.2 (51)

Tarikh: 02. Oktober 2018

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) YOUNG LEADERS' PROGRAMME (YLP) SCHOLARSHIPS TAHUN 2019

- (i) **SCHOOL OF GOVERNMENT**
- (ii) **LAW**
- (iii) **SCHOOL OF LOCAL GOVERNANCE**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa semua pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkelayakan untuk memohon kemudahan **Japanese Government (Monbukagakusho: MEXT) Young Leaders' Programme (YLP) Scholarships Tahun 2019** bagi pengajian peringkat Sarjana secara sepenuh masa.

3. Tawaran biasiswa ini adalah untuk calon yang berminat melanjutkan pengajian di dalam bidang **Public Administration/Public Policy** di bawah **School of Government, Local Governance dan Law** di Negara Jepun. Pemilihan calon berjaya akan diputuskan oleh pihak penaja (Kerajaan Jepun).

4. Tarikh-tarikh penting bagi pelawaan ini adalah seperti berikut:-

TARIKH	KETERANGAN
12 Oktober 2018 (Jumaat)	Tarikh tutup permohonan secara dalam talian (online) http://esilav2.jpa.gov.my
15 Oktober 2018 (Isnin)	Tarikh akhir penerimaan dokumen di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM untuk penyelarasan
19 Oktober 2018 (Jumaat)	Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan




5. Syarat-syarat dan tatacara permohonan adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 1**.

6. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua anggota yang berminat dan berkelayakan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AZLAN BIN AHMAD)

Bahagian Pengurusan Latihan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi

Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Profesion Pengajar
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

SENARAI EDARAN

Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah
Institusi-institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia

**SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN
PROGRAM JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) YOUNG
LEADERS' PROGRAMME (YLP) SCHOLARSHIPS FOR 2019**

1. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:

- (a) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (b) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa, pada tarikh tutup permohonan;
- (c) Umur **tidak melebihi 40 tahun** pada 1 Oktober 2019 (lahir pada atau selepas 2 Oktober 1979);
- (d) Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik;
- (e) Telah mengisytiharkan harta;
- (f) Mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata **85 markah ke atas** bagi tempoh **genap 3 tahun skim perkhidmatan** terkini berturut-turut (2015, 2016 & 2017). Penilaian setahun LNPT **wajib genap 12 bulan**;
- (g) Bersih daripada pertuduhan/ tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (h) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- (i) Tiada mengikuti kursus pendek di luar negara dalam tempoh **satu tahun** kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh **dua tahun** kebelakangan (dikira dari tarikh tutup permohonan atas talian pada **12 September 2018**);
- (j) Kursus yang diikuti adalah **berkaitan** dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;
- (k) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti;
- (l) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- (m) Tidak berkhidmat dalam angkatan tentera;

- (n) Memiliki tahap kesihatan yang baik serta bebas daripada penyakit berjangkit; dan
- (o) Memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur Kerajaan Jepun seperti di Lampiran.

2. Tatacara Permohonan / Pencalonan

2.1 Tanggungjawab Pegawai

2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara atas talian di laman web JPA di <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka mulai **24 September hingga 12 Oktober 2018**.

2.1.2 **Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak sebanyak 2 set** untuk dihantar kepada Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- i) **2 set Perakuan Ketua Jabatan - (Lampiran C);**
- ii) **1 salinan Buku Perkhidmatan yang terkini dan disahkan;**
- iii) *Application for Japanese Government (MEXT) Scholarship (School of Government/ Law/ School of Local Governance) dengan gambar passport berukuran 6 x 4 cm;*
- iv) *Recommendation Letters;*
- v) *Certificate of Health;*
- vi) *Questionnaire/ Esei;*
- vii) Salinan Kad Pengenalan;
- viii) Salinan Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (sila rujuk Garis Panduan MEXT);
- ix) Salinan passport;
- x) Salinan TOEFL/IELTS/ TOEIC; dan
- xi) Dokumen-dokumen yang telah dinyatakan di dalam Garis Panduan permohonan *Japanese Government (MEXT) Scholarship (School of Government/ Law/ School of Local Governance)*.

*Borang JPA(L)LDP 1A/96 (Lampiran B) **tidak perlu diisi oleh pemohon** dan akan dilengkapkan oleh urusetia di Bahagian Pengurusan Latihan;*

2.1.3 Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

2.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

2.2.1 Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan untuk **memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.**

2.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) Mengisi Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan (**LAMPIRAN B**) dan Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**); dan
- (ii) Hanya pencalonan yang **disokong dan diperakukan oleh PPSM** sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen seperti di perenggan 2.12.

2.2.3 Dua belas (12) dokumen seperti di perkara 2.12 perlu dihantar sebelum/pada **15 Oktober 2018** kepada:-

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
Cawangan Operasi Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, Putrajaya
(u/p: Subunit Biasiswa Asing)

3. Sebarang pertanyaan berkaitan pemohonan tawaran biasiswa ini boleh diajukan kepada:

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
No. Telefon: 03-8885 0694
No. Faks: 03-8885 0746
Email: ehlp1@moh.gov.my